

Perkembangan Pengajian Tafsir al-Quran di Terengganu: Sorotan Tokoh

BITARAVolume 2, Issue 4, 2019: 055-068
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>**Noor Farhanah Othman, Muhd. Najib Abdul Kadir & Haziyah Hussin¹****Abstrak**

Seiring dengan perkembangan Islam, ilmu pengetahuan Islam seperti tafsir al-Quran juga berkembang di Terengganu seiring dengan kemunculan ulama-ulama hebat yang mewarnai kegiatan intelektual Melayu-Islam. Artikel ini akan memfokuskan dan menyorot sumbangan beberapa ulama negeri Terengganu dengan memapar secara umum perihal kehidupan, pendidikan dan penglibatan tokoh dalam perkembangan ilmu tafsir. Sorotan ini merentasi periode lebih kurang empat abad, dari zaman kemunculan Syeikh Abdul Malaik atau Tok Pulau Manis hingga ke zaman kebangkitan ulama kontemporari seperti Abdul Hadi Awang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara analisis kandungan sumber primer seperti bahan arkib, dokumen dan rekod rasmi. Selain itu, sumber sekunder seperti artikel ilmiah, buku dan majalah turut dirujuk Hasil kajian berjaya mendapatkan pengajian tafsir al-Quran di Terengganu berkembang melalui penubuhan institusi formal dan tidak formal dan penghasilan karya-karya tafsir yang diusahakan oleh ulama tempatan mahupun ulama dari luar negeri.

Kata Kunci

penulisan tafsir, pengajian tafsir, ulama Terengganu, perkembangan Islam di Terengganu

Cite This Article:

Noor Farhanah Othman, Muhd. Najib Abdul Kadir & Haziyah Hussin. 2019. Perkembangan pengajian tafsir al-Quran di Terengganu: Sorotan tokoh. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(4): 055-068.

Pengenalan

Tinjauan perkembangan penulisan tafsir di Negeri Terengganu Darul Iman tidak lengkap tanpa menelusuri sejarah kemasukan Islam di Terengganu. Hanya dengan memahami sejarah Islam di Terengganu barulah boleh difahami kesinambungan perkembangan pendidikan sehingga lahirnya perkembangan ilmu tafsir di negeri tersebut.

Sejarah telah mencatatkan bahawa negeri Terengganu merupakan negeri yang terawal dalam menerima kemasukan Islam berbanding negeri-negeri lain di semenanjung Tanah Melayu. Kewujudan negeri ini menerima pengaruh Islam dibuktikan menerusi tinggalan artifak berbentuk Batu Bersurat yang ditemui berhampiran dengan Kampung Buluh di Sungai Tersat, Kuala Berang di Ulu Terengganu pada tahun 1889 (MISBAHA 1954). Menurut MISBAHA (1954) dan Naguib al-Attas (1970), pengisytiharan Islam pada Batu Bersurat Terengganu tersebut dicatatkan pada tarikh 4 Rejab tahun 702H bersamaan 22 Februari 1303M. Kesan

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Muhd. Najib Abdul Kadir, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor MALAYSIA,
E-mail: abunaseh@ukm.edu.my

sejarah ini secara tidak langsung telah membuktikan negeri Terengganu sebagai tapak awal perkembangan Islam di Tanah Melayu (Naguib al-Attas 1970; Shafie 1984; Mahayudin 2001; Aladin 2013; Siti Zalikhah & Mohd Nasran 2017).

Walau bagaimanapun Shafie (1984) berpandangan ketibaan Islam di Terengganu dijangka lebih awal daripada tarikh yang tercatat pada Batu Bersurat. Hal ini kerana menurut Aladin (2013), pada ketika pengisytiharan tarikh tersebut, Islam telah menjadi agama yang kukuh di Terengganu. Dalam erti kata lain, setelah Islam diterima menjadi asas kehidupan masyarakat Melayu dan diamalkan secara menyeluruh, barulah ia diabadikan pada Batu Bersurat Terengganu sebagai peringatan kedaulatan Islam yang mengandungi undang-undang pemerintahan (Shafie 1989). Mahayudin (2011) juga menyatakan bahawa batu bersurat tersebut turut mencatatkan hukum-hakam yang menunjukkan bahawa penduduk tempatan sudah lama memeluk agama Islam. Oleh sebab itu, Hall (1968) yang menulis mengenai sejarah Asia Tenggara juga berkeyakinan bahawa telah ada mualih Islam yang sampai ke Ulu Terengganu sekurang-kurangnya seratus tahun terdahulu daripada tarikh perisytiharan bukti sejarah ini.

Kenyataan ini jelas mengisyaratkan kedudukan negeri Terengganu sebagai negeri terawal mengalami proses islamisasi berbanding negeri Melaka selama sekurun (MISBAHA 1978, Zafrullah 2001). Pendapat ini juga turut disokong oleh Dusuki (1980) yang mempercayai tarikh Batu Bersurat Terengganu dirakam seratus tahun lebih awal berbanding tarikh Melaka menerima Islam. Menurut Siti Zalikhah & Mohd Nasran (2017), Melaka secara rasmi telah menerima agama Islam dalam tahun 1409 Masihi bersamaan 812 Hijrah. Perbezaan lebih kurang 106 tahun antara catatan tarikh Batu Bersurat Terengganu dan tarikh masyarakat negeri Melaka menganuti agama Islam secara terang-terangan menunjukkan agama Islam telah lama bertapak di salah sebuah negeri pantai timur semenanjung Tanah Melayu sebelum pengasasnya kerajaan Melaka.

Walaupun sejarah negeri ini kurang mendapat perhatian, tetapi tinggalan inskripsi yang berharga menunjukkan peranan sebuah daerah yang sangat penting dalam menyediakan tapak pertama perkembangan Islam di Tanah Melayu (Mahayudin 2001). Selain itu, kita juga tidak dapat manafikan sumbangan negeri Terengganu dalam melahirkan masyarakat Islam yang besar sehingga menjadi sebuah kerajaan Islam sekitar akhir abad ke-13 atau awal abad ke-14 (MISBAHA 1978; Shafie 1989; Wan Hussein Azmi 1980; Mahayudin 2001). Kesannya, benua Asia Tenggara secara umum menyaksikan kemajuan Islam dari pelbagai sudut merangkumi urus tadbir pemerintahan, ekonomi, kerohanian, intelektual dan sebagainya.

Ekoran daripada perkembangan pesat lapangan keilmuan dan pendidikan, maka tertubuh institusi pembelajaran serta sejumlah karya yang menjadi bahan bacaan dan rujukan masyarakat. Kelahiran beberapa orang tokoh tempatan dan beberapa buah kitab karangan mereka khususnya dalam lapangan tafsir menunjukkan tahap pencapaian peradaban ilmu yang membanggakan. Justeru, artikel ini akan memuatkan perbincangan berkaitan perkembangan pengajian tafsir oleh ulama tempatan mahupun ulama muhajirin merangkumi institusi formal seperti pendidikan pondok dan institusi pendidikan tidak formal seperti masjid dan surau. Selain itu, penghasilan kitab-kitab tafsir Melayu juga turut diketengahkan dari sudut pengenalan tokoh serta karya yang dihasilkan seiring dengan perkembangan pengajian tafsir (*dalam mewarnai senario pengajian tafsir*)

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Pengumpulan data melibatkan kaedah analisis kandungan iaitu dengan mengenal pasti sumber daripada beberapa dokumen merangkumi buku, tesis, artikel jurnal, kertas kerja seminar dan bahan penerbitan lain. Data kajian dikumpulkan dan dianalisis dengan teknik analisis kandungan melalui kaedah deskriptif. Penelitian dilakukan melalui analisis daripada sumber-sumber dan teks yang menyentuh serta berkait secara langsung dengan perkembangan pengajian dan penulisan tafsir di Malaysia khususnya di Terengganu.

Kelahiran Ulama Terengganu

Kedudukan ulama di Terengganu sangat unik dan istimewa. Kehadiran mereka menabur bakti dalam penyebaran Islam memberi kesan terhadap perkembangan dakwah dan intelektual di Terengganu. Di samping ulama tempatan, kemasukan ulama dari luar negeri seperti ulama keturunan Arab dan juga ulama Patani menyemarakkan lagi kesuburan ilmu dan pengajian agama di Terengganu. Nama-nama seperti Syeikh Abdul Malik, Tok Syeikh Duyong, Tok Ku Tuan Besar, Hj. Mat Shafie dan sebagainya sememangnya tidak asing lagi lantaran ketokohan mereka yang turut menyerlah dalam pengajian tafsir.

Pada abad ke 19 Masihi, negeri Terengganu telah mencapai kegemilangan ilmu apabila ramai ulama muncul memainkan peranan penting kepada masyarakat khususnya menerusi pusat-pusat pengajian agama (Rohaizan Baru t.t). Menurut Muhammad Abu Bakar (1991), keadaan ini berkait rapat dengan beberapa faktor yang membantu kebangkitan dan kelahiran ulama dalam membentuk masyarakat Islam Malaysia. Pertamanya ialah realiti sosial yang telah diresapi dengan kesedaran Islam. Ahli masyarakat cenderung dan memerlukan pendidikan agama, malah bersikap positif dan memberi sokongan terhadap kemunculan ulama. Perkara ini secara tidak langsung memberi peluang dan ruang kepada ulama untuk melibatkan diri membangun serta mengatur masyarakat mengikut landasan agama.

Selain itu, Aladin (2013) mendapati kelahiran institusi pengajian tradisi dan ulama-ulama terkemuka adalah hasil minat dan galakan pemerintah terutamanya pada zaman Sultan Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III. Pendapat tersebut turut disokong oleh Amnah Saayah et. al (2018) dengan menyatakan interaksi tokoh-tokoh agama dengan pemerintah berbentuk sokongan dan minat juga merupakan faktor dalam melancarkan proses perkembangan keilmuan dan keagamaan di negeri ini. Muhammad Abu Bakar (1991) menjelaskan hubungan antara pemerintah dan ulama terhasil sama ada melalui perkahwinan dengan kerabat diraja, penyertaan dalam pentadbiran negeri atau hubungan kerjasama bagi menghadapi masalah sosial.

Seterusnya, faktor kemunculan ini juga berdasarkan status ulama semakin terjamin sebagai pemimpin sosial. Hal ini berikutan kurangnya saingen antara ulama dan pemimpin tradisional lain sehingga mereka dikenalpasti sebagai pakar rujuk dalam memimpin kehidupan masyarakat berkonsepkan rabbani (Muhammad Abu Bakar 1991). Situasi ini memperlihatkan pengaruh ulama cukup besar dan dipermudahkan oleh keadaan semasa lebih-lebih lagi apabila mereka juga menjadi sebahagian anggota dalam menjalankan urusan pentadbiran (Aladin 2013) serta bertindak seiring dengan pemerintah.

Amnah Saayah et al. (2018) memetik pandangan Sheppard dalam kajiannya “*A Short History of Terengganu*” bahawa kedudukan ulama di Terengganu merupakan kelas ketiga dalam masyarakat selepas pemerintah dan pembesar. Keadaan tersebut menunjukkan penerimaan golongan agama di tengah-tengah pentadbiran pemerintahan. Pendekatan agama dan dasar keterbukaan yang diamalkan kedua-dua Sultan Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III telah menjadikan negeri Terengganu sebagai tumpuan pelajar dan ulama dari luar untuk datang ke Terengganu. Keadaan ini membolehkan perkembangan keilmuan dan generasi berkualiti dapat dilahirkan.

Menurut Abu Bakar (1991), di Terengganu, terdapat ramai tokoh-tokoh ulama yang terdiri daripada kalangan ulama tempatan mahupun luar negeri. Mereka telah memainkan peranan penting dalam mengembangkan ilmu agama menerusi institusi pengajian pondok di Terengganu. Samsu Adabi (2007) menambah bahawa kemunculan ulama di kebanyakan negeri seperti Terengganu, Kelantan, Kedah, Pahang, Perlis, Perak dan Pulau Pinang berlaku pada abad ke-19. Abad ke-19 Masihi juga menyaksikan kemuncak kemunculan ulama terkemuka dan kepesatan institusi pengajian tradisi di Terengganu sebagai bukti berlakunya perkembangan Islam (Aladin 2013). Kenyataan ini turut disokong oleh Ab. Aziz et. al (2017) dan Amnah Saayah et. al (2018) yang menyatakan Terengganu pada abad ke-19 Masihi merupakan antara negeri yang dibanjiri ulama selain dua buah negeri pantai timur Semenanjung Tanah Melayu yang lain.

Perkembangan Islam yang berlaku pada abad ke 19 dan awal abad ke 20 banyak didorong oleh peranan yang dimainkan oleh golongan ulama yang berhijrah dari luar. Peranan dan pengaruh ulama-ulama ini khususnya yang datang dari Patani dan Hadramaut, daripada keturunan Syed al-Idrus begitu menonjol baik dalam keagamaan, sosial dan perdagangan mahupun dalam pentadbiran pemerintahan (Aladin 2013).

Patani terkenal sebagai pusat penyebaran Islam yang telah melahirkan ramai ulama-ulama masyhur di seluruh pelosok Nusantara (Zafrullah 2001). Kemunculan para ilmuwan Islam seperti Tok Syeikh Daud al-Fatani, Tok Syeikh Duyong, Tok Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas dan lain-lain secara langsung terus mengharum dan mencorakkan budaya keilmuan dalam kalangan masyarakat setempat. Muhammad Abu Bakar (1991) mendapati pada abad ke-19M, ulama-ulama Patani telah berhijrah dan memilih Terengganu sebagai tempat untuk bermukim kesan daripada serangan Siam ke atas Patani. Keadaan ini secara tidak langsung memberi peluang kepada tokoh cendekiawan Patani untuk mengembangkan pengajaran keislaman dan mempergiat aktiviti dakwah Islamiah kepada penduduk negeri Terengganu.

Berdasarkan kajian Zafrullah (2001), ketibaan masyarakat Melayu Patani di Terengganu adalah disebabkan faktor peperangan yang berlaku antara Patani dan Siam pada tahun 1832. Keadaan huru-hara di Patani akibat daripada peperangan, membawa kepada kejatuhan wilayah Islam tersebut ke tangan kerajaan Siam. Omar Musa (1991) membawa pendapat A. Bangnara dalam bukunya, “*Patani: Dahulu dan sekarang*” menyebut bagaimana Siam telah menyerang Patani sebanyak tujuh kali, dan pada kali terakhir Patani berjaya ditakluki sepenuhnya. Namun pandangan daripada Zafrullah (2001) pula mengatakan bahawa Patani telah mengalami pertempuran dengan Siam sebanyak 11 kali. Menurut Numan Hayimasa (t.th.), peperangan yang berlaku antara Patani dengan Siam berlaku sebanyak 12 kali bermula pada tahun 1563 apabila Patani menyerang Ayuthia dan serangan balas antara kedua-dua pihak berakhir pada

tahun 1848 sebagaimana yang dicatatkan oleh Zamberi (1994) dalam bukunya *Patani dalam Tamadun Melayu*.

Pada hakikatnya, huru-hara yang melanda Patani berpunca daripada perselisihan di antara Datuk Pangkalan Raja Patani berketurunan Melayu dengan Panglima Dajang seorang pembesar Siam pada tahun 1808M (Abu Bakar 1991). Campur tangan tentera Siam di Ligor atas arahan Panglima Dajang telah mengakibatkan Datuk Pangkalan Raja mengalami kekalahan teruk dan turut terkorban dalam perperangan. Kejatuhan Patani di tangan kerajaan Siam tidak hanya menyaksikan kejatuhan kuasa politik pemerintahan, tetapi juga perubahan kehidupan rakyat dan negerinya, baik ekonomi, sosial maupun kehidupan beragama. Menurut Shafie Abu Bakar (1989) dan Omar Musa (1991), kezaliman yang dilakukan oleh tentera Siam menyebabkan rakyat Patani termasuk golongan ulama mengalami tekanan dan memaksa mereka untuk berhijrah mencari jalan keluar bagi mendapatkan keselamatan.

Selain tu, kerajaan Siam juga kelihatan tidak begitu senang dengan perkembangan Islam dan identiti kemelayuan rakyat Patani di samping tempoh perperangan yang agak lama secara langsung mendorong ramai masyarakat Melayu Patani berhijrah ke seluruh pelosok Nusantara termasuklah Semenanjung Tanah Melayu khususnya Terengganu. Faktor pemilihan Terengganu sebagai tempat bermastautin khususnya dalam kalangan ulama kerana wujudnya hubungan tradisi dan keislamanan terutama dari segi keilmuan antara Patani dengan Terengganu (Shafie Abu Bakar 1989) dan kesedaran keagamaan yang serupa (Numan Hayimasa t.th.). Kajian Omar Musa (1991) menunjukkan pada awal abad ke-19 satu rombongan yang dipimpin oleh Tok Sheikh Qadhi – Haji Wan Mohd Amin Wan Yaacob iaitu bapa kepada Tok Sheikh Duyong dan turut disertai Syeikh Abdul Kadir telah mlarikan diri setelah kerajaan Patani mengalami kekalahan di tangan Siam.

Perpindahan ini merupakan rombongan ulama' Patani pertama yang dikesan tiba di Terengganu (Ahmad Fathy 2011). Pada awalnya, mereka berusaha mendapatkan perlindungan di Kelantan, tetapi atas desakan yang dibuat oleh pihak Siam ke atas pemerintah Kelantan agar mereka diserahkan kepada kerajaan Siam, rombongan ulama berkenaan mengubah pendirian mereka lalu berpindah pula ke negeri Terengganu dan meminta perlindungan daripada Sultan Terengganu (Omar Musa & Abu Bakar 1991; Zafrullah 2001). Gelombang perpindahan ini memberi kesan kepada pembangunan penempatan baru di beberapa kawasan seperti Besut, Pulau Duyong, Bukit Bayas, dan Kemaman (Numan Hayimasa t.th.). Peranan para ulama dari Patani mula menonjol pada pertengahan kurun ke-19 apabila munculnya pondok-pondok sebagai sebuah institusi bagi menyebarkan pengajaran serta melestarikan budaya ilmu dan tradisi pengajian Islam dalam kalangan penduduk tempatan di Terengganu

Perkembangan Pengajian Tafsir di Terengganu

Wahida (2018) menyatakan kelahiran dan kelangsungan ilmu tafsir di Malaysia dapat dilihat dari dua aspek iaitu aktiviti pengajian dan penulisan. Dalam konteks Malaysia, pengajian tafsir al-Quran dipercayai telah bermula pada abad ke-17 Masihi melalui sistem pembelajaran tradisi pondok sementara penulisan tafsir al-Quran dapat dikenal pasti bermula awal abad ke-20 (Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid 2018). Pertengahan abad ke-19, para ulama Melayu lebih memberi fokus kepada orientasi pengajian Islam dalam disiplin ilmu lain seperti akidah,

fekah, dan tasawuf. Malah, karya yang dihasilkan juga terhad kepada bidang-bidang ilmu tersebut (Mustaffa Abdullah 2009; Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid 2018).

Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak bermakna masyarakat Islam di Tanah Melayu tidak mempelajari al-Quran. Hal ini kerana menurut Mazlan Ibrahim (2007) para pendakwah juga mengajar tafsir secara tidak langsung dalam kuliah dan kelas agama mereka, bersesuaian dengan tahap keislaman dan penerimaan penduduk pada masa itu. Di samping itu, Mazlan (2007) juga berpendapat walaupun pengajian al-Quran dan tafsir belum dikenal atau disebut dalam catatan sejarah awal kedatangan Islam ke tanah Melayu, tetapi ia mungkin telah masuk bersama-sama dengan ilmu-ilmu lain kerana agama Islam adalah berteraskan al-Quran dan al-Sunnah.

Kebanyakan para sarjana mempercayai pengajian tafsir di Tanah Melayu adalah kesinambungan daripada pengajian al-Quran yang dijalankan pada awal kedatangan Islam ke negara ini. Bertitik tolak daripada pengajian al-Quran dan tafsir yang dijalankan secara tidak formal di rumah Tok Guru, surau dan masjid, (Shafie Abu Bakar 1983; Ismail Yusof 1995; Mustaffa 2009; Amin Maulana & Zulkifli 2009), ianya terus berkembang di peringkat institusi pengajian agama formal pada peringkat permulaan. Pengajian tafsir lebih rasmi, tersusun dan sistematik apabila institusi pondok dibangunkan dan bercambah merentasi zaman. Pengajian tafsir melalui sistem pondok menjadi semakin pesat pada abad ke-19 Masihi dengan tertubuhnya lebih banyak pondok-pondok di Tanah Melayu. Di samping itu, masjid dan surau juga masih aktif menjalankan pengajian sebagai tempat tumpuan kegiatan penyebaran ilmu Islam seiring dengan pengajian di pondok.

Kajian menunjukkan institusi pengajian pondok di Tanah Melayu telah dikesan bermula pada akhir abad ke 17 Masihi. Ini berdasarkan catatan bahawa pada ketika itu, sudah terdapat institusi pondok di Pulau Manis, Terengganu Darul Iman yang didirikan oleh Abdul Malik bin Abdullah atau lebih dikenali sebagai Tok Pulau Manis (Abu Bakar 1991; Shafie Abu Bakar 1991; Abdul Rahman (1997). Menurut Mustafa Abdullah (2009) pondok ini dianggap sebagai pusat pengajian tertua dan terbesar di Terengganu dan Semenanjung Tanah Melayu ketika itu. Selepas zaman Tok Pulau Manis, sekitar abad ke-18 hingga abad ke-19, tidak ada catatan bertulis yang jelas berkenaan perkembangan pengajian tafsir di Malaysia. Pengajian tafsir hanya mula mendapat perhatian secara serius oleh para ulama pada awal abad ke-20, dan berkembang pesat menerusi sistem pondok, selain diperkenalkan kepada masyarakat melalui pengajian tafsir yang dijalankan di institusi tidak formal (Haziyah 2013).

Sejarah perkembangan pengajian tafsir di semenanjung tanah Melayu melalui institusi pondok pada peringkat awal perkembangannya bukanlah satu perkara yang dirancang (Faudzinaim 2007). Mustafa Abdullah (2009) menyatakan kelahiran serta perkembangan institusi tersebut bermula atas kesedaran para ulama yang mendapat pendidikan di luar negara seperti di Pattani, Aceh, Mekah, Madinah, dan lain-lain. Setelah mereka pulang ke tanah air, ramai penuntut yang datang mempelajari ilmu yang berkaitan dengan Islam dan secara tidak dirancang lahirlah institusi-institusi pondok yang menggunakan nama guru-guru sebagai pengasas institusi tersebut.

Pengajian tafsir di Terengganu telah berlangsung seiring dengan kemasukan agama Islam di negeri ini. Perkembangan pesat pengajian keilmuan dan keagamaan telah digerakkan oleh ulama tradisional tempatan mahupun ulama dari luar negeri serta pertumbuhan pusat-pusat pengajian Islam sama ada di institusi formal seperti pondok mahupun di institusi tidak formal

seperti masjid, dan surau (Mohd Samsuddin & Ermy Azziaty 2017). Rahimin Affandi et. al (t.t) menjelaskan Terengganu merupakan negeri terawal memperkenalkan sistem pengajian pondok memandangkan pantai timur adalah negeri terawal di tanah Melayu yang menerima dan mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh.

Kelahiran institusi pondok pertama Terengganu di Pulau Manis yang diasaskan oleh Sheikh Abdul Malik bin Abdullah memainkan peranan penting sebagai tapak awal pembentukan pengajaran dan pendidikan Islam yang lebih sistematik. Menurut Mustafa Abdullah (2009) pondok ini dianggap sebagai pusat pengajian tertua dan terbesar di Terengganu dan Semenanjung Tanah Melayu ketika itu. Awal abad ke-20 menyaksikan penubuhan pondok-pondok pengajian yang kian rancak dibangunkan di Terengganu memandangkan sambutan dan minat masyarakat semakin bertambah bagi mendalami ilmu-ilmu agama. Maka lahir pondok-pondok seperti Pondok Tok Kali Sungai Rengas, Pondok Haji Husin Kampung Lapu, Kuala Terengganu, Pondok Haji Mat Shafie Losong dan lain-lain lagi. Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan betapa besarnya sumbangan pendidikan pondok pada abad ke-19 dan abad ke-20 Masihi.

Walau bagaimanapun, kemasyhuran dan kegemilangan pengajian pondok di Terengganu menjelang abad ke-19 Masihi (Rohaizan Baru t.th.) yang dikembangkan oleh ulama-ulama terkemudian, tidak menenggelamkan peranan institusi pendidikan awal seperti rumah Tok Guru, surau, dan masjid. Tradisi pengajian di rumah tok guru ini tidak terhenti begitu sahaja kerana wujudnya tenaga pengajar yang menjalankan kegiatan pembelajaran di rumah mereka secara terbuka (Shafie Abu Bakar 1989) dalam menyemarakkan perkembangan keilmuan di negeri tersebut. Situasi ini berterusan kerana kedudukan rumah Tok guru yang biasanya berdekatan dengan surau dijadikan sebagai pusat pengajaran. Antara tokoh-tokoh yang masyhur melibatkan diri dalam pengajaran tafsir di masjid di negeri ini adalah seperti Tok Ku Paloh, Haji Mat Shafie Losong, Tuan Guru Haji Abbas Muhammad, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, dan Tuan Guru Haji Abdul Rahman Pumbing al-Fatani.

Tradisi pengajian keilmuan di Terengganu turut menekankan pengajian keilmuan tiga serangkai iaitu fiqh, usuluddin dan tasawuf (Shafie Abu Bakar 1989). Namun pengajian ilmu-ilmu sampingan seperti ilmu tafsir dan hadis tidak ketinggalan untuk dipelajari memandangkan dua bidang ilmu tersebut merupakan saluran bagi memahami asas-asas hukum fiqh, usuluddin dan tasawuf. Pendapat ini turut disokong oleh Ismail Yusoff (1995) kerana dalam sistem pengajian pondok, pengajian tafsir al-Quran adalah salah satu daripada mata pelajaran yang diajar di samping pelajaran fikah, tauhid, hadith, nahu, balaghah, al-Quran, tajwid, dan tasawuf. Pelajaran sedemikian giat dipelajari di Terengganu sejak abad ke-17 lagi. Kitab-kitab tafsir yang dipelajari seperti *Tafsir al-Baydawi* yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Syeikh Abdul Rauf Singkel. Pada peringkat yang lebih tinggi pula, Shafie Abu Bakar (1989) menyatakan masyarakat Terengganu mempelajari tafsir-tafsir di dalam bahasa Arab seperti *tafsir al-Khazin*, *tafsir al-Jalalayn* dan *tafsir al-Sharbini al-Khatib*. Di samping itu, teks tafsir yang dibaca kepada masyarakat pula kebanyakannya berpandukan *Tafsir al-Jalalayn*, *Tafsir al-Baydawi*, *Tafsir Nur al-Ihsan* dan *Pimpinan Rahman*.

Perkembangan Penulisan Tafsir di Terengganu

Berdasarkan kajian Ismail Yusoff (1995), penulisan karya Islam berkaitan bidang lain di dalam Bahasa Melayu telah berlaku lebih awal berbanding penulisan kitab tafsir. Sebagaimana yang diterangkan di atas, pengajian agama di dominasi oleh bidang tauhid, fiqh dan tasawuf pada permulaan perkembangan Islam. Keadaan yang sama juga turut berlaku terhadap penghasilan naskhah agama pada kurun ke 19 dan 20 yang tertumpu kepada bidang ilmu tiga serangkai tersebut (Fauzi Deraman 2009). Menurut Norhasnira (2013), pada abad ke-18 hingga abad ke-19 tidak dapat dikenal pasti siapakah yang terlibat dalam aktiviti penulisan tafsir di Malaysia. Namun, selepas tahun 1909 iaitu pada awal abad ke-20, penulisan tafsir al-Quran mula mendapat perhatian semula dan berkembang luas hingga ke hari ini (Ismail Yusoff 1995).

Fenomena sebegini tidak menghalang tafsir al-Quran untuk berkembang dan tersebar, walaupun agak ketinggalan dalam penghasilan karya. Kajian Wahida (2018) menunjukkan penulisan kitab-kitab tafsir di Malaysia merupakan kesinambungan daripada pengajian tafsir yang diadakan secara formal dan tidak formal. Hasil kejayaan institusi pengajian Islam, maka lahirlah ramai ilmuwan yang menguasai bidang keilmuan Islam termasuklah ilmu tafsir sehingga mereka dapat menghasilkan karya-karya tafsir baik secara sendirian maupun berkumpulan (Mustaffa Abdullah & Abdul Manan 2009). Justeru, dapat dikatakan perkembangan penulisan tafsir sama ada berbentuk karya asal atau terjemahan lebih pesat dengan perkembangan pengajian pondok, iaitu di sekitar awal abad ke-20.

Pendapat ini sebagaimana telah dikemukakan oleh Ismail Yusoff (1995), yang menyatakan pada abad ke-20 penghasilan kitab tafsir berjalan dengan pesat. Ulama ternyata mula sedar untuk menghasilkan kitab tafsir baharu dan tidak hanya bergantung kepada kitab-kitab tafsir bahasa Arab sahaja. Hal ini tidak lain bagi memudahkan umat Islam di Malaysia agar lebih memahami dan menghayati al-Quran. Selain itu, Ismail Yusof (1995) juga mengetengahkan sumbangan aktiviti penulisan dan terjemahan kitab-kitab agama juga bermula setelah para ulama tempatan kembali ke tanah air. Kebanyakan tokoh agama yang terlibat adalah dalam kalangan mereka yang menamatkan pengajian di Makkah, Mesir, India maupun Patani.

Perkembangan penulisan tafsir di Terengganu bermula dengan sumbangan Syeikh Abdul Malik sebagai tokoh terawal yang melibatkan diri dalam penulisan tafsir. Menurut Mazlan Ibrahim (2011), karya yang dihasilkan merupakan kemunculan kitab tafsir pertama dalam Bahasa Melayu melalui usaha beliau menyalin kitab *Tarjumam al-Mustafid* karya Abdul Rauf al-Singkeli (Ismail Yusoff 1995). Syeikh Abdul Malik merupakan tokoh terulung bukan sahaja di Terengganu malah di Tanah Melayu pada abad ke-17 Masihi.

Setelah abad ke-17 Masihi, tidak dapat dikenal pasti siapakah yang terlibat dalam aktiviti penulisan tafsir di Terengganu sehinggalah ia timbul semula pada awal abad ke-20 Masihi (Abdullah Munshi 1953). Nasib penulisan tafsir di Terengganu mula berubah dengan kepulangan tokoh terkemuka dari Tanah Arab pada awal abad ke-20. Bidang penulisan tafsir di Malaysia diwarnai dengan penglibatan beberapa tokoh ulama tempatan seperti Abdul Hadi Awang, Ismail Muhammad Hassan dan lain-lain. Namun penghasilan karya khusus berkenaan tafsir al-Quran di Terengganu masih pada tahap yang minimum.

Tokoh Ulama Tafsir Terengganu

Pada awal abad ke-20, Terengganu merupakan salah satu negeri yang telah mencapai kegemilangan dalam kegiatan keagamaan di Pantai Timur semenanjung Malaysia. Tokoh-tokoh negeri ini boleh dikatakan terdiri daripada cendekiawan yang dapat dikategorikan sebagai ulama. Selain itu, menyorot tempat-tempat pengajian dan karya yang dihasilkan sekitar abad ke-17, abad ke 19, dan abad ke-20 Masihi, kita akan menemui beberapa tokoh agama yang dikaitkan dengan perkembangan dan kemajuan yang berlaku khususnya dari sudut keilmuan. Mereka merupakan tokoh yang terdiri daripada kalangan ulama tempatan, ulama muhajirin Patani, dan ulama Hadramaut. Nama-nama yang disenaraikan penyelidik merupakan tokoh yang menonjol dan terlibat secara langsung dalam bidang pentafsiran di Terengganu.

Tokoh yang berperanan sebagai penyebab pertumbuhan tafsir di Malaysia pada abad ke-17 adalah hasil penglibatan seorang anak negeri iaitu Syeikh Abdul Malik bin Abdullah atau lebih dikenali sebagai ‘Tok Pulau Manis’. Gelaran tersebut diambil bersempena nama tempat beliau membuka pondok. Abdul Malik dilahirkan di Kampung Pauh, Hulu Terengganu, pada tahun 1650 dan meninggal dunia pada tahun 1736 Masihi ketika berumur 86 tahun (Muhammad Abu Bakar 1991). Ketika di Aceh, beliau sempat menuntut ilmu secara langsung dengan seorang ulama besar di sana pada abad ke-17 iaitu Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri al-Singkeli (Ismail Yusoff 1995). Beliau kemudian menyambung pengajiannya di Mekah dan Madinah pada tahun 1680-an. Beliau berada di sana selama satu dekad untuk mempertingkatkan ilmu agama. Di sana beliau sempat belajar dengan guru kepada Syeikh Abdul Rauf iaitu Syeikh Ibrahim al-Kurani. Di Mekah dan Madinah, beliau memberikan tumpuan sepenuhnya mempelajari ilmu fekah, usuluddin, tasawuf, tafsir, hadis dan ilmu-ilmu lain (Muhammad Abu Bakar 1991).

Selepas menamatkan pengajian di Mekah dan Madinah, Tok Pulau Manis pulang ke Terengganu sekitar tahun 1690 sekitar umur 40 tahun (Shafie 1991). Menurut Ismail Yusoff (1995), semenjak kepulangannya ke tanah air, beliau giat menyusun gerakan intelektual keagamaan sehingga tertubuhnya sebuah institusi pengajian agama berasaskan sistem pondok di Pulau Manis. Keadaan ini menjadikan Tok Pulau Manis sebagai tokoh utama dalam meletakkan batu asas bagi menerajui pendidikan secara sistematik pada kurun ke-17 Masihi di Terengganu khususnya dan di Tanah Melayu amnya (Mustaffa Abdullah). Beliau berjaya melahirkan ramai anak murid melalui institusi ini dan dianggap sebagai perintis sistem persekolahan tradisi di Terengganu. Pengajaran Syeikh Abdul Malik adalah merangkumi bidang-bidang keilmuan yang terkenal di dalam tradisi keilmuan Islam iaitu ilmu-ilmu Usuluddin, fiqh dan tasawuf di samping ilmu-ilmu tafsir, hadith, *nahw*, *sarf*, *mustalah*, *balaghah* dan sastera (Shafie Abu Bakar 1989).

Ketokohan Tok Pulau Manis dalam bidang tafsir al-Quran dapat dilihat menerusi pengajian beliau di Aceh dan di Mekah. Beliau turut mempelajari ilmu tafsir di samping ilmu-ilmu lain di kedua-dua negara tersebut. Bukti yang paling jelas minat beliau dalam bidang tafsir ialah apabila beliau sanggup menyalin karya *Tarjumam al-Mustafid* karangan gurunya di Aceh, Abdul Rauf Singkel pada tahun 1730an dan membawanya pulang ke negeri Terengganu untuk diajarkan kepada masyarakat tempatan (Ismail Yusoff 1995). Syeikh Abdul Malik secara tidak langsung merupakan pelopor bagi pengajian tafsir di Malaysia. Berdasarkan catatan Mustafa

Abdullah (2009), beliau membawa hasil kajian Ghazi Abu Bakar dalam kajiannya *Sheikh Abdul Malik dan Peranan Beliau dalam Penyebaran Fahaman Ahli Sunnah Wa al-Jamaah di Terengganu*, Tok Pulau Manis menyalin karya gurunya itu daripada awal surah al-Kahfi sehingga akhir surah al-Fatir.

Beliau seterusnya membawa pulang salinan tafsir tersebut untuk disebarluaskan kepada masyarakat melalui pengajian pondoknya. Walaupun Tok Pulau Manis tidak menulis kitab tafsir berbanding bidang-bidang lain, tetapi beliau tetap telah memberi berperanan besar kepada pengajian tafsir al-Quran. Malangnya, manuskrip tersebut telah lenyap dan tidak dijumpai sehingga hari ini (Ismail Yusof 1995; Mustaffa 2009). Sumbangan beliau menerusi karangannya dalam bidang tafsir tidak semasyhur sebagaimana naskhah tasawufnya, namun beliau tetap memberikan sumbangan besar kepada anak-anak muridnya.

Di Kampung Rusila, Marang, Terengganu, antara tokoh tafsir yang dapat dikesan ialah Abdul Hadi Awang. Beliau dilahirkan pada 20 Oktober 1947 bersamaan 6 Zulhijah 1366H. Pendidikan formal beliau bermula di Sekolah Melayu Kampung Rusila, kemudiannya di Sekolah Agama Marang dan Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin. Pada tahun 1969 beliau mendapat biasiswa dari kerajaan Arab Saudi untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Madinah. Kemudian, pada tahun 1974 beliau melanjutkan pengajian sarjana dalam bidang *Siyasah Syariyyah* di Universiti al-Azhar, Mesir. Setelah tamat pengajian di Mesir, beliau pulang ke tanah air pada tahun 1976 dan bergiat aktif dalam gerakan dakwah dan politik Islam di Malaysia (Mustaffa Abdullah 2009) sehingga beliau sudah tidak asing lagi dalam konteks gerakan Islam di Malaysia khususnya bagi kalangan penyokong dan pendukung Parti Islam Se-Malaysia (PAS) (Haziyah 2017).

Menurut Haziyah (2017), sumbangan Abdul Hadi Awang dalam bidang tafsir boleh dikategorikan kepada tafsiran secara lisan dan tulisan. Penglibatan Abdul Hadi Awang dalam tafsir al-Quran bermula pada tahun 1976 setelah beliau kembali dari pembelajarannya di luar negara. Pada awalnya, majlis ilmu di Masjid Rusila merupakan sebuah pondok yang diasaskan oleh datuknya, Almarhum Haji Abdul Rahman dan diteruskan oleh ayahnya, Almarhum Haji Awang Muhammad. Setelah datuk dan ayahnya meninggal dunia, tugas menyampaikan pengajian tafsir diteruskan oleh Abdul Hadi Awang sebagai medan menyampaikan dakwah (Haziyah 2017).

Kajian Abdul Ghani (1997) melalui temu bualnya bersama Abdul Hadi pada 17 Oktober 1996 mendapati, kuliah tafsir yang dikendalikannya pada masa itu telah memasuki pusingan kedua dan sedang mengupas makna surah al-Anfal. Tafsiran al-Quran tamat buat kali pertama dalam tahun 1980-an. Namun begitu, pernyataan Sinar Harian (2016) menyatakan tafsir al-Quran khatam kali pertama pada 1996 dan 2016 adalah khatam kali kedua. Tanggal 6 Syaaban 1437H bersamaan 13 Mei 2016, beliau telah khatam kuliah tafsirnya untuk kali kedua setelah 20 tahun berlalu. Selama 40 tahun melaksanakan kuliah pengajian tafsir dan berjaya mengkhatamkan al-Quran sebanyak dua kali, memperlihatkan beliau seorang yang konsisten dan komited dalam memberi kefahaman al-Quran kepada masyarakat. Siri-siri kuliah tafsir Abdul Hadi diadakan pada setiap hari Jumaat (Safie 2011) dan (Norhasnira 2013) serta ditayangkan secara *live streaming* di YouTube menerusi saluran Terengganu Kini selain diterbitkan dalam bentuk kaset dan CD. Menurut Haziyah (2017), pentafsiran al-Quran oleh Abdul Hadi boleh dikategorikan kepada tafsir secara lisan dan tafsir bertulis.

Karya tafsir *al-Tibyan* dalam mentafsirkan al-Quran dan ‘Ruang Tafsir’ dalam akhbar *Harakah* sebagai contoh, merupakan himpunan tafsir bertulis yang disunting dan diterbitkan. Kajian Abdul Ghani (1997) dan Mustaffa (2009) menyatakan *al-Tibyan* adalah hasil usaha pihak yang prihatin dalam menulis semula kuliah-kuliah tafsir Abdul Hadi bersumberkan kaset rakaman dan kemudianya disemak oleh beliau bagi memastikan kesahihannya. Pernyataan ini agak berbeza dengan kajian Haziyah (2017) yang menjelaskan berlakunya penulisan oleh Abdul Hadi sendiri berdasarkan kata pengantar Abdul Hadi sendiri dalam karya *al-Tibyannya*. Di samping itu, kajian Nurul Adiya (2011), Haziyah (2017), dan kajian Zahid (2017) menjelaskan sebanyak lapan surah sahaja daripada tafsiran al-Quran Abdul Hadi yang diterbitkan di bawah siri *al-Tibyan*. Tafsiran tersebut merangkumi surah al-Baqarah, al-Saff, al-Kahfi, al-Hujurat, al-Hasyar, Luqman, Yassin dan al-Fil. Buku-buku ini dicetak dalam keadaan yang berbeza dari sudut penerbit, tahun terbit serta judul buku. Kajian Ismail Yusoff (1995) menunjukkan karya *at-Tibyan* dikategorikan sebagai karya tulisan asal ulama tempatan dan ditafsirkan secara surah-surah. Selain itu, Haizyah Hussin et. al (2012) juga menyenaraikan *al-Tibyan* sebagai karya yang muncul pada abad ke-20 berikutan terbitan naskhah tafsir yang pertama pada tahun 1993. Kitab ini menggunakan pendekatan (tafsir secara analisis) Haizyah Hussin et al (2012).

Selanjutnya, karya yang dihasilkan oleh Ismail Bin Mohd. Hassan berjudul *Tafsir di Dalam Bayangan al-Quran* (Nor Lubis 2002). Tafsir ini merupakan usaha ulama Malaysia yang menterjemahkan kitab tafsir arab ke dalam bahasa Melayu. tafsir ini juga diperkenalkan dengan nama Terjemahan *Fi Zilal al-Quran* Juzuk 26 (Haziyah Hussin et al (2012)). Karya ini dicetak pada tahun 1986 dan diterbitkan oleh Yayasan Islam Terengganu. Naskhah ini juga disenaraikan sebagai karya yang muncul pada abad ke-20 Masihi (Haizyah Hussin 2012).

Menurut Nor Lubis (2002), tafsir di Dalam Bayangan al-Quran ini merupakan sebuah karya terjemahan dalam Bahasa Melayu yang dihasilkan oleh ulama Malaysia dengan bersumberkan tafsir ‘*Fi Zilal al-Quran*’ karangan Sayyid Qutub dalam bahasa Arab. Sesuai dengan nama karya terjemahan ini, maka isi kandungannya ialah nas-nas ayat al-Quran bersama terjemahan tafsir nas-nas ayat berkenaan yang ada dalam tafsir *Fi Zilal al-Quran*. Karya ini mengandungi 6 surah iaitu surah al-Ahqaf, Muhammad, al-Fath, al-Hujurat, Qaf dan surat al-Dhariyat. Karya terjemahan ini siap dan dapat dicetak satu juzuk sahaja iaitu juzuk ke-26 dan sehingga kini masih belum lagi disambung kerana penterjemah telah meninggal dunia.

Kesimpulan

Pengajian dan penulisan tafsir al-Quran di Terengganu telah bermula sejak abad ke-17 Masihi lagi. Bermula dari tarikh tersebut pengajian tafsir telah berkembang dengan meluas ke seluruh Tanah Melayu. Perkembangan tafsir al-Quran pada kurun ke-18 dan ke-19 agak perlahan jika dibandingkan dengan kurun ke-20 yang turut sama berlaku di Terengganu. Walaupun sebahagian daripada mereka ini tidak menulis sebarang kitab mengenai tafsir al-Quran, tetapi jasa serta sumbangan ulama tersebut amat besar dan berkesan dalam memajukan pengajian ilmu-ilmu Islam khususnya pembelajaran tafsir di seluruh Malaysia melalui institusi pengajian yang diwujudkan. Kecemerlangan yang pernah dicapai oleh negeri Terengganu dalam perkembangan pendidikan Islam khususnya di lapangan tafsir perlu diketengahkan kepada

masyarakat agar khazanah ini tidak luput ditelan zaman. Usaha para ulama dalam memberi kefahaman pada masyarakat juga perlu diteladani oleh generasi ulama masa kini bagi membuat anjakan paradigma dalam bidang tafsir.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Sulaiman, Abdul Hakim Abdullah, Mustafa Che Omar, Wan Ismail Wan Abdullah, Azhar bin Yaacob. 2017. Perkembangan Pendidikan Islam Di Terengganu. *Proceedings The International Seminar On Islamic Jurisprudence In Contemporary Society (ISLAC)*, hlmn. 1236-1249.
- Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), Pemikiran Islam di Malaysia Sejarah dan Aliran dalam Hussain Haikal & J Firmansya, Jakarta: Gema Insani.
- Abdul Ghani Husain. 1997. *Metodologi Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam tafsir al-Quran*. Projek Ilmiah Sarjana muda Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya.
- Amin Maulana & Zulkifli Hj. Mohd Yusoff. 2009. Pengajian al-Quran di Nusantara: Satu Imbasan Sejarah dlm Khazanah al-Quran & al-Hadith Nusantara Dlm Mustaffa Abdullah, Fauzi Deraman dan Faisal Ahmad Shah. *Khazanah al-Quran dan al-Hadith Nusantara*, hlm. 121-148. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Aladin Hj. Mamat. 2013. Ulama Golongan Syed Di Terengganu : Peranan Dan Sumbangan Dalam Perkembangan Islam. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- D.G. E. Hall. 1968. *A History Of South East Asia*. London : St. Martins Press.
- Farid Mat Zain & Hafiz Zakariya. 2011. Akar Umbi Pembentukan Ulama di Kedah dlm Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlmn. 192-196
- Faudzinain Badaruddin. 2007. Pengajian Pondok di Tanah Melayu Abad ke-19, Dlm Farid Mat Zain. *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*, hlm. 115-128. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Fauzi Deraman. 2009. Pengajian Hadith di Malaysia: Satu Tinjauan dlm Khazanah al-Quran & al-Hadith Nusantara Dlm Mustaffa Abdullah, Fauzi Deraman dan Faisal Ahmad Shah. *Khazanah al-Quran*, hlm. 213-236. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid. 2018. Early Development Of Quranic Exegesis In Malaysia. *International Journal of Asian Social Science*, 3(8), hlmn. 1732-1744.
- Haziyah Hussin, Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Kharuddin Mohd Amin, Sabri Mohamad, Fadhlwan Mohd Othman, Arif Nazri, & Faisal Ahmad Shah. 2012. *The Trend Of Malay Quranic Commentary Writing In Malaysia In The 20th Century*. Journal of Applied Sciences Research, 8(8), pp. 4343-4349.
- Haziyah Hussin. 2017. *Sumbangan Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang Dalam Peradaban Tafsir Di Malaysia*. Persidangan Antarabangsa Islam Dan Tokoh 2017.
- Ismail Yusoff. 1995. Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ismail Yusoff. 1995. Perkembangan Penulisan dan terjemahan kitab-kitab tafsir di Malaysia. Islamiyyat 16: 19-32.
- Mazlan Ibrahim. 2007. Perkembangan pengajian Ilmu Tafsir al-Quran di Alam Melayu pada Abad ke-18 hingga Abad ke-20, Dlm Farid Mat Zain. *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*, hlm. 129-144. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd

- Mohd Samsuddin Harun & Ermy Azziaty Rozali. 2017. Ketokohan serta Sumbangan Haji Daud Che' Man dalam Pengajian al-Quran di Terengganu dlm Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VII. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlmn. 376-387
- Mohamad Abu Bakar. 1991. Tok Syeikh Duyong, Dlm Mohamad Abu Bakar. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, hlm. 154-167. Jawatankuasa Koleksi Terengganu & Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Mohd Lazim Lawee @ Donwana Taye. 2009. Perkembangan Pengajian al-Quran dan al-Hadith di Thailand dlm Khazanah al-Quran & al-Hadith Nusantara Dlm Mustaffa Abdullah, Fauzi Deraman dan Faisal Ahmad Shah. *Khazanah al-Quran*, hlm. 237-256. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Nur Lubis. 2002. *Data-data Terbitan Awal Penterjemahan Dan Pentafsiran al-Quran di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Mustaffa Abdullah. 2009. *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
- Norhasnira Ibrahim. 2013. *The Evolution Of Quranic Interpretation Writings In Malaysia From The 17th To 21st Century*. International Journal of Education and Research, 1(7).
- Numan Hayimasa. t.t. Jaringan 'Ulama Patani Dengan Utara Semenanjung Tanah Melayu Abad Ke-18 Dan Ke-19.
- Omar Bin Musa. 1991. Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas Dlm Mohamad Abu Bakar. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, hlm. 145-153. Jawatankuasa Koleksi Terengganu & Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Nur Azuki Yusuff, Rohani Desa, Norazlina Bt Zakaria Nor hayati Md. Dahlal. t.t. Institusi Pondok Sebagai Penjana Intelektual Ummah Di Kelantan.
- Samsu Adabi Mamat. 2007. Kedudukan Ulama di Tanah Melayu Abad ke-19, Dlm Farid Mat Zain. *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*, hlm. 95-114. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Siti Wahidah Binti Mustapa. 2018. Penulisan Tafsir Al-Quran Di Malaysia Pada Abad 21 Masihi (2001-2015). Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Zalikhah Md Nor & Mohd Nasran Mohamad. 2017. *Terengganu dari Batu Bersurat hingga Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. 1989. Perkembangan Keilmuan Dan Kesedaran Keislaman Di Terengganu, dalam Mohd Yusof Abdullah, PESAKA V, Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu.
- Shafie Abu Bakar. 1984. Latar Belakang Keagamaan Di Terengganu, dalam bukunya Abdullah Zakaria Ghazali, *Terengganu dahulu dan sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia Muzium Negara.
- Shafie Abu Bakar. 1983. Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian di Terengganu, dalam Muhammad Saleh bin Haji Awang & Mohd Yusof Abdullah, PESAKA I, Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu.
- Shafie Abu Bakar. 1989. Perkembangan Keilmuan dan Kesedaran Keislaman di Terengganu, dalam Muhammad Saleh bin Haji Awang & Mohd Yusof Abdullah, hlm. 2-58. PESAKA V, hlm. Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

Shafie Abu Bakar. 1991. Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam, dlm Mohamad Abu Bakar. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, hlm. 53-62. Jawatankuasa Koleksi Terengganu & Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1970. *The Correct Date Of The Terengganu Inscription*. Kuala Lumpur.

Zafrullah Haji Arifin. 2001. Peranan Dan Perkembangan Masyarakat Melayu-Patani Di Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

Zahid Mat Dui. 2017. *Karakteristik Tafsir Kontemporer Di Malaysia (Studi Tafsir Al-Tibyan Karya Tuan Guru Haji Hadi Awang)*. Tesis Master, UIN Raden Intan Lampung.